KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN / PDRM			

SH 14.1.2022_9

PDRM buru, jejak pemburu haram

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memburu dan menjejak individu mahu pun sindiket pemburuan haram yang mengakibatkan kepupusan populasi Harimau Malaya atau nama saintifiknya Panthera Tigris Jacksoni.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Pasukan Gerakan Am (PGA), Datuk Kasuahdi Ali berkata, pihaknya akan berusaha mengenal pasti individu terbabit menerusi elemen risikan, gerakan dan perundangan.



Harimau Malaya atau harimau belang kian diancam kepupusan.

Menurutnya, Harimau Malaya mempunyai nilai yang tinggi mencecah RM500,000 seekor dan menjadi sasaran utama pemburu haram untuk mendapatkan wang.



KASUAHDI

"Kepupusan binatang ini amat serius dan kita (polis) akan jejaki pemburu-pemburu ini dengan apa juga peruntukan undang-undang yang ada.

"Kita telah bekerjasama dengan banyak pihak seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), badan bukan kerajaan (NGO) dan jabatan perhutanan untuk mengatasi jenayah pemburuan haram.

"PDRM akan berusaha mengenal pasti individu yang terlibat memburu harimau selain hidupan liar lain yang dilindungi sama ada rangkaian luar negara, sindiket kecil atau mereka yang mengiklankan kegiatan ini di media sosial," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurut Kasuahdi, beliau khuatir sekiranya Harimau Malaya terus pupus akibat kegiatan pemburuan haram, generasi akan datang hanya akan melihat binatang itu menerusi gambar sahaja.

"Sebab itu kita amat tegas dengan isu ini. Mereka yang terlibat akan diburu dan didakwa dengan apa juga peruntukan undang-undang yang ada," katanya.

Pada Isnin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melahirkan kebimbangan beliau terhadap spesies ikonik negara itu akan hilang buat selama-lamanya.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan serius menangani isu populasi Harimau Malaya di hutan negara yang kini direkodkan kurang daripada 150 ekor.